



19 MAR, 2024

Sorok dadah RM1.5 juta dalam pakaian terpakai

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2



Norizan menunjukkan sebahagian dadah yang dirampas pada sidang media di ibu pejabat JKDM Sarawak, semalam. (Foto Nadim Bokhari/BH)

Sorok dadah RM1.5 juta dalam pakaian terpakai

Kuching: Sindiket pengedaran dadah dari Semenanjung dikesan menggunakan taktik baharu dengan membungkus barang larangan itu dalam pakaian terpakai ketika menyeludupnya ke Sarawak.

Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak, Norizan Yahya, berkata taktik itu dikesan dalam serbuan di sebuah rumah di Matang Jaya, di sini, pada 6 Mac lalu.

Beliau berkata, serbuan hasil maklumat JKDM Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (LTAK) dan hasilnya sejumlah 46 kilogram (kg) dadah jenis methamphetamine bernilai RM1.5 juta dirampas.

“Semua dadah disembunyikan dalam empat bungkusan pakaian terpakai atau ‘bundle’ yang diletakkan di ruang tamu tingkat bawah rumah berkenaan.

“Pembungkusan dalam paka-

ian terpakai itu taktik terbaharu sindiket pengedaran dadah dari Semenanjung ke Sarawak untuk mengaburi pihak berkuasa,” katanya pada sidang media di ibu pejabat JKDM Sarawak di sini, semalam.

Norizan berkata, seorang lelaki berusia lewat 20-an turut ditahan dengan siasatan mendapati sindiket itu sudah beroperasi sejak beberapa bulan lalu.

“Suspek sudah dituduh mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang jika sabit kesalahan boleh dihukum gantung sampai mati atau penjara seumur hidup serta tidak kurang 15 sebatan jika tidak dijatuhkan hukuman mati,” katanya.

Beliau berkata, ia rampasan terbesar JKDM Sarawak tahun ini dan jumlah keseluruhan dadah dirampas dalam tempoh Januari hingga Mac adalah seberat 87.8 kilogram dengan nilai dianggarkan RM2.6 juta.



19 MAR, 2024

Sorok dadah RM1.5 juta dalam pakaian terpakai

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Norizan menunjukkan sebahagian dadah yang dirampas pada sidang media di ibu pejabat JKDM Sarawak, semalam. (Foto Nadim Bokhari/BH)

Kuching: Sindiket pengedaran dadah dari Semenanjung dikesan menggunakan taktik baharu dengan membungkus barang larangan itu dalam pakaian terpakai ketika menyeludupnya ke Sarawak. Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak, Norizan Yahya, berkata taktik itu dikesan dalam serbuan di sebuah rumah di Matang Jaya, di sini, pada 6 Mac lalu.